

KONSEP HADIAH DALAM MASYARAKAT MELAYU LAMA

ASPALILA ABDUL KARIM



ARKIB

rb
fAC895
M22A838

TAJUK :

KONSEP 'HADIAH' DALAM MASYARAKAT MELAYU LAMA:

SATU ANALISIS

NAMA :

ASFALILA ABDUL KARIM

NO. MATRIK :

13697

Suatu kajian untuk memenuhi syarat pengkhususan sejarah
(HEM 412 Dokumen-Dokumen Di dalam Sejarah Malaysia) bagi
Pengijazahan Sarjana Muda Sastera Dalam Pusat Pengajian
Ilmu Kemanusiaan, USM.

Sidang 1988/89

PELIDHULUAN

Di dalam kursus ESM ini, saya telah membuat kajian dari aspek 'hadiah' di dalam masyarakat melayu lama. Sering kita baca ahli-ahli sejarah lebih berminat untuk mengkaji dari hal perang, pemberontakan, campur tangan Inggeris dan perkembangan ekonomi sahaja. Tajuk ini yang masih belum lagi dikaji oleh ahli sejarah mahupun ahli anthropologi telah menarik perhatian saya untuk melihat makna disebalik yang tersirat. Di dalam kajian tajuk ini, saya telah menggunakan teks Sejarah Melayu, Hikayat Pang Tuah dan Tuhfat al-Nafis sejarah melayu dan bugis sebagai panduan penyelidikan. Teks ini telah pernah dikaji oleh bangsa Eropah dan ahli sejarah Malaysia sendiri untuk menyelidiki segala hal ehwal yang berkenaan dengan kerajaan melayu pada zaman yang telah lalu iaitu tentang jurai-jurai keturunan raja dan orang besar-besar, corak pemerintahan, undang-undang yang terkandung di dalamnya dan lain-lain. Teks ini lebih dianggap sebagai teks sastera daripada teks sejarah kerana banyak mengandungi unsur-unsur mythic yang menceritakan peristiwa yang pada zahirnya tidak berpijak kepada bumi nyata walaupun dalam sesebuah teks yang sama terdapat peristiwa yang kemungkinannya berlaku di alam nyata boleh diterima oleh akal. Tetapi bagaimanakah dan sejauhmanakah teks ini dapat dilihat dari kaca mata ahli sejarah? kerana pada suatu ketika dahulu, teks ini termasuk dalam golongan yang kita kenali sebagai sastera-sejarah, tidak dianggap sebagai suatu sumber yang berguna bagi pengetahuan sejarah kerana selalu tidak memuatkan tarikh-tarikh, mengandungi unsur-unsur dongeng. Kini kajian sejarah dapat dilakukan melalui peristiwa yang berlaku yang tercatat dalam teks ini terutama kajian terhadap sebab-tindakbalas-akibat dan makna sesuatu peristiwa itu dalam rangkaian peristiwa sebelum dan selepasnya. Tajuk 'hadiah'